



اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Hal Ehwal Islam

IBADAH KORBAN

SATU PANDUAN ASAS





SEKAPUR SIRIH

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Ustaz Mohammad Shaffiaizad Amar Mohammed Sabri yang telah berjaya menghasilkan e-book “Ibadah Korban: Satu Panduan Asas”. Saya amat yakin dan percaya bahawa penghasilan ini adalah untuk melonjakkan kecemerlangan Hal Ehwal Islam dengan berpaksikan kepada Perancangan Strategik Bahagian Hal Ehwal Islam 2022 – 2025.

Sebagai sebuah bahagian yang dipertanggungjawabkan oleh universiti untuk merangka dan memartabatkan agama dan kefahaman Islam di UiTM, Bahagian Hal Ehwal Islam telah merangka beberapa pelan perancangan yang telah menjadi asas rujukan bagi menentukan hala tuju dan pencapaian matlamat Hal Ehwal Islam dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Penghasilan e-book ini merupakan inisiatif di bawah projek 4 (Penulisan), Perancangan Strategik Bahagian Hal Ehwal Islam 2022 – 2025.

Saya yakin dan percaya bahawa e-book “Ibadah Korban: Satu Panduan Asas” ini akan dimanfaatkan dan menjadi panduan serta rujukan kepada warga kerja Hal Ehwal Islam khususnya dan warga UiTM umumnya. Semoga hasil usaha ini akan kekal menjadi jariah pahala berkekalan di sisi Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

HAJI HANAFI HAJI HAMDANI

Pengarah

Bahagian Hal Ehwal Islam

UiTM Shah Alam



PRAKATA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan Salam Sejahtera.

Setinggi-tinggi kesyukuran dan pujian ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya e-book Ibadah Korban: Satu Panduan Asas ini telah berjaya dihasilkan.

E- book ini menampakkan format yang dapat memberi keselesaan kepada pembaca. Dengan ini juga dapat memudahkan pembaca untuk memahami dan menghayati isi kandungan e-book ini dengan lebih jelas dan ringkas.

Penerbitan e-book ini ialah sebagai panduan dan rujukan untuk semua khususnya warga UiTM dalam melaksanakan ibadah korban yang sentiasa diadakan setiap tahun. Dengan adanya e-book ini dapat memberi penjelasan kepada pembaca mengenai isu-isu yang sering berlaku dalam melaksanakan ibadah korban. Dalam pada masa yang sama, penerbitan e-book ini dapat membantu merealisasikan Perancangan Strategik Bahagian Hal Ehwal Islam 2022 - 2025.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada Pengurusan Eksekutif BHEI serta warga kerja Bahagian Hal Ehwal Islam yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan atas penghasilan e-book ini. Semoga hasil usaha ini akan kekal menjadi jariah pahala berkekalan di sisi Allah SWT.

Akhir kata, semoga e-book ini dapat memberi manfaat yang berguna kepada setiap pembaca dan dikurniakan ganjaran kebaikan oleh Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

MOHAMMAD SHAFFIAIZAD AMAR MOHAMMED SABRI

Penolong Pendaftar (Hal Ehwal Islam)

Bahagian Hal Ehwal Islam

UiTM Shah Alam

PENGERTIAN DAN SEJARAH KORBAN

- Menyembelih binatang yang tertentu (Al-An'am) dengan niat mendekati diri kepada Allah SWT dan dilaksanakan pada hari raya Aidil Adha dan pada hari-hari Tasyriq selepasnya.
- Menerusi dua kisah pengorbanan agung yang amat popular di dalam kalangan masyarakat Islam iaitu kisah Nabi Adam yang menghendaki ana-anaknya, Habil dan Qabil mempersembahkan korban masing-masing. Habil memilih ternakan kibas yang paling baik sebagai korban manakala Qabil menyediakan barang ladangan yang buruk dan tidak segar untuk dipersembahkan. Kehendak Allah SWT yang memilih korban Habil kerana keikhlasan Habil dan rela hatinya. Kibas itulah yang hidup di syurga sehingga ke zaman Nabi Ibrahim AS.
- Kisah Nabi Ibrahim AS yang diperintahkan oleh Allah SWT supaya menyembelih anaknya Ismail, Nabi Ibrahim akur akan perintah Tuhannya. Kibas daripada korban Habil diturunkan semula dari syurga sebagai penebus atau pengganti daripada menyembelih anaknya.

DALIL PENSYARIATAN

- Al-Quran

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَانْحَرْ

Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur). (Surah Al-Kawthar: 2)

- Hadith

Hadith yang diriwayatkan oleh Anas: "Rasulullah SAW mengorbankan dua ekor kibas bewarna putih dan bertanduk". (HR Bukhari)

HUKUM KORBAN

Amat dituntut bagi yang berkemampuan melaksanakannya iaitu orang yang mempunyai wang untuk berbelanja bagi mendapatkan ternakan korban yang lebih daripada keperluannya dan keperluan mereka yang berada dibawah tanggungannya untuk Hari Raya dan Hari-hari Tasyrik.

HIKMAH PENSYARIATAN

Ibadah korban disyariatkan sebagai tanda syukur kepada Allah SWT atas segala nikmatnya.

Ibadah korban akan menjadi kifarah bagi pelakunya atas kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan ataupun dengan sebab kecuaiannya dalam menunaikan kewajipan.

Merupakan salah satu wasilah untuk menolong golongan fakir miskin dan orang yang berhajat serta menggembirakan mereka pada hari raya.

Mengeratkan silaturrahim antara anggota masyarakat Islam serta menanamkan semangat hidup berjemaah dan berkasih sayang antara satu sama lain.

SYARAT SAH KORBAN

- Niat untuk taqarrub kepada Allah SWT. (Waktu niat korban adalah semasa menyembelih atau semasa membeli ternakan korban)
- Memilih ternakan korban yang boleh dikongsi bahagian seperti lembu, unta dan kerbau (jika ingin berkongsi tujuh orang).
- Kambing atau biri-biri dikhususkan untuk seorang yang mewakili satu bahagian.

TEMPOH MASA KORBAN

- Penyembelihan hendaklah dilakukan pada Hari Nahar (10 Zulhijjah) dan Hari Tasyrik (11 - 13 Zulhijjah) yang meliputi malam ke-11, 12 dan 13.
- Korban tidak sah jika dilakukan pada malam sebelum Hari Raya (10 Zulhijjah). Begitu juga jika dilakukan pada malam 14 Zulhijjah.
- Penyembelihan dilakukan apabila berlalu masa 2 rakaat solat sunat Hari Raya Aidiladha beserta khutbah.
- Waktu penyembelihan korban berterusan siang dan malam tetapi makruh jika dilakukan pada waktu malam sehingga Hari Tasyrik yang terakhir (13 Zulhijjah) sebelum terbenamnya matahari. Bagi penyembelihan korban yang dilakukan sebelum terbit fajar, dikira tidak sah hukunya.
- Sekiranya penyembelihan korban dilakukan selepas terbitnya matahari dan sebelum waktu solat sunat Hari Raya Aidiladha, tidak mendapat pahala sunat dan tidak dikira sebagai korban.

SYARAT SAH SEMBELIHAN KORBAN

- Dengan memutuskan urat pembuluh darah iaitu karotid dan jugular (wajadain).
- Dengan memutuskan urat mari' (saluran makanan).
- Dengan memutuskan urat halqum (saluran penafasan).
- Disyaratkan alat menyembelih hendaklah tajam, bukan menggunakan alat yang tumpul, tulang dan gigi haiwan.

PERKARA-PERKARA SUNAT

SEBELUM

- Menambat ternakan korban menjelang Hari Nahar.
- Memberi makanan kepada haiwan korban sebelum disembelih.
- Memastikan haiwan tersebut tidak makan makanan yang syubhah seperti makan rumput dikawasan yang bukan milik tuan haiwan korban dan sebagainya.
- Memilih haiwan ternakan yang paling baik.

SEMASA

- Melakukan penyembelihan korban dengan sendiri.
- Membaca Bismillah.
- Berselawat ke atas Nabi SAW.
- Penyembelih dan haiwan mengadap ke arah qiblat.

SELEPAS

- Menunggu haiwan yang disembelih itu sehingga sejuk dan semua anggotanya tidak bergerak lagi atau benar-benar mati dan baharulah dilapah.

PERKARA-PERKARA MAKRUH

- Melakukan korban ke atas haiwan yang carik telinganya atau terpotong sedikit di belakang telinganya.
- Memotong bulu haiwan yang hendak dikorbankan bagi tujuan kegunaan sendiri jika boleh memudaratkannya.
- Melakukan korban ke atas haiwan yang pecah atau patah tanduknya atau tiada bertanduk.
- Memerah susu haiwan yang hendak dijadikan korban dan meminumnya kecuali disedekahkan susu tersebut.
- Memotong kuku dan bercukur bagi orang yang berniat korban.
- Melakukan sembelihan korban pada waktu malam.

KAEDAH AGIHAN DAGING KORBAN


- Hendaklah diasingkan antara daging korban wajib daripada daging korban sunat sebelum diagihkan kepada penerima.
- Memastikan daging korban cukup untuk diagihkan kepada pihak-pihak yang telah disenaraikan.
- Menyediakan senarai penerima daging korban mengikut keutamaan.
- Mengutamakan golongan fakir dan miskin yang telah dikenal pasti status mereka.
- Mengagihkan daging korban kepada mereka yang tinggal di kawasan terpencil.
- Menyediakan kontena peti sejuk (jika perlu) untuk menempatkan daging korban sebelum diagihkan ke kawasan pedalaman,
- Mengagihkan daging korban kepada golongan yang berada sekiranya terdapat lebih daging korban tersebut.

LAFAZ DAN WAKALAH NIAT KORBAN

- Pihak wakil melantik wakil lain (Tawkil): Wakil tidak harus mewakilkan orang lain terhadap apa yang diwakilinya tanpa izin pewakil. Sekiranya pewakil (orang yang berniat korban) mengungkap dengan lafaz umum, maka harus bagi wakil untuk mewakilkan kepada orang lain berdasarkan kepada kefahaman umum.
- Sekiranya pewakil tidak menyebut lafaz yang menunjukkan umum keizinannya untuk bertindak, maka tidak harus bagi wakil mewakilkan (Tawkil) kepada orang lain.

PERKARA YANG PERLU DIKETAHUI SEBELUM MEWAKILKAN URUSAN KORBAN

- Hendaklah mengetahui kadar harga bagi satu bahagian korban yang dikenakan.
- Hendaklah mengetahui kadar upah yang diambil oleh pihak yang melakukan korban.
- Hendaklah mengagihkan daging korban mengikut hukum syarak.
- Hendaklah mengetahui orang yang akan menjadi wakil untuk menyembelih haiwan korban.



LAFAZ WAKALAH DAN NIAT KORBAN

Jika Ramai Peserta

- Lafaz Wakalah Dari Peserta Korban:

Adalah saya dengan ini mewakili kepada untuk mengurus dan melaksanakan ibadah korban bagi pihak saya dan isteri saya serta anak-anak saya (1) (2) (3) (4)..... (5)..... dengan kadar harga RM kerana Allah Taala.

- Lafaz Penerima Wakalah

Saya dengan ini menerima wakalah daripada bagi mengurus dan melaksanakan ibadah korban bagi pihak dirinya dan ahli keluarganya kerana Allah Taala.

Jika Satu Tompok

- Lafaz Wakalah Dari Peserta Korban

Adalah saya (orang yang berwakil) dengan ini mewakili kepada (orang yang dijadikan wakil) untuk mengurus dan melaksanakan ibadah korban bagi pihak saya dengan kadar harga RM termasuk upah bagi satu tompok kerana Allah Taala.

- Lafaz Penerima Wakalah

Saya dengan ini menerima wakalah daripada setompok dengan harga yang tersebut termasuk upah bagi mengurus dan melaksanakan ibadah korban bagi pihak dirinya kerana Allah Taala.



ISU BERKAITAN KORBAN

1)	<p>Apakah hukum berkongsi korban dan aqiqah pada sembelihan yang sama?</p> <p>Boleh disekalikan niat korban dan aqiqah pada 7 bahagian bagi lembu dan juga unta. Sekiranya seseorang itu mampu, maka terbaiknya adalah dengan mengasingkan haiwan setiap satu daripada ibadah tersebut tanpa berlakunya perkongsian.</p>
2)	<p>Apakah hukum melakukan korban buat si mati?</p> <p>Tidak boleh dilaksanakan korban kepada si mati mengikut pendapat kebanyakan ulama Syafi'iyah yang menetapkan mesti adanya wasiat daripada si mati untuk melakukan korban buat dirinya.</p>
3)	<p>Apakah hukum memberikan daging korban sebagai upah penyembelih?</p> <p>Tidak dibolehkan untuk memberi upah berupa bahagian korban kepada tukang sembelih. Sekiranya hendak diberikan upah, boleh diberikan kepada penyembelih menggunakan harta dari empunya korban atau sesuatu organisasi dan bukannya dari bahagian korban.</p>
4)	<p>Apakah hukum korban daripada sumbangan agensi atau pihak kerajaan?</p> <p>Tidak boleh dijadikan korban kerana ianya atas nama satu jabatan secara umum, tidak khusus. Terjadinya hukum korban hendaklah lembu itu di letakkan atas nama individu dan paling maksima ialah 7 orang individu menepati 7 tompok/bahagian bagi seekor lembu korban. Wakil kerajaan yang menyerahkan lembu itu kepada seseorang individu daripada jabatan yang menerima boleh dijadikan binatang korban.</p>
5)	<p>Apakah hukum menyimpan daging korban?</p> <p>Mengikut pendapat jumur ulama adalah dibolehkan untuk menyimpan daging korban melebihi 3 hari.</p>

6) **Apakah hukum membuat bayaran melalui *online banking* dan wakalah melalui perantara seperti *whatsapp*, *facebook*, *email*, *sms* dan lain-lain?**

Sah dan dibolehkan mewakili dalam pembelian binatang korban dan juga penyembelihnya dengan serahan wang samada dilakukan dengan membuat bayaran atau memindahkan wang dengan cara perbankan *online* atau wakalah yang boleh disahkan melalui *email*, *sms*, *whatsapp*, *facebook* dan lain-lain bentuk komunikasi. Sebaik-baiknya hendaklah dinyatakan aqad wakalah secara bertulis dengan menyatakan dengan jelas harga binatang korban, berapa upah dan skop kerja yang dilakukan serta dipersetujui dan ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak.

7) **Apakah hukum melihat penyembelihan korban?**

Walaupun telah menyerahkan pelaksanaan ibadah korban kepada orang lain, disunatkan kepada al-muwakkil (orang yang menyerah) untuk turut hadir menyaksikan penyembelihan korbannya. Sebagaimana sabda Nabi SAW kepada Fatimah RA: "Pergilah kepada binatang korban kamu dan saksikanlah dia kerana sesungguhnya dengan titisan pertama darah yang jatuh darinya akan menyebabkan diampunkan untukmu segala dosa kamu yang lalu". (Mustadrak al-Hakim; 7525, Dari Abu Sa'id al-Khudri RA)


8) **Bagaimanakah cara pembahagian yang afdhal dalam ibadah korban?**

Sekiranya korban tersebut merupakan nazar atau telah ditentukan untuk dijadikan korban, maka wajib untuk dia menyedekahkan kesemua daging tersebut dan tidak boleh dia memakan sebahagian daripadanya. Sekiranya ia merupakan korban yang sunat, maka cara yang afdhal ialah menyedekahkan kesemuanya bagi mencapai tujuan korban tersebut serta memakan sedikit daripadanya untuk beramal dengan zahir nas al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.

9)	<p>Apakah hukum menyembelih binatang korban pada waktu malam?</p> <p>Permulaan waktu penyembelihan korban adalah pada hari raya Aidil Adha seusai solat sunat hari raya dan dua khutbah sehingga pada hari ke 13 Zulhijjah. Tempoh penyembelihan ini merangkumi waktu siang dan malam. Namun begitu, penyembelihan pada waktu malam hukumnya makruh dan penyembelihan itu tetap dikira sah. Sementara itu, penyembelihan pada waktu malam yang dilakukan kerana ada hajat dan keperluan adalah harus.</p>
10)	<p>Apakah hukum menggabungkan niat korban dan akikah untuk satu sembelihan?</p> <p>Menurut pandangan muftamad dalam Mazhab Syafie, tidak boleh menggabungkan niat akikah dan korban dalam satu masa. Meskipun korban dan akikah adalah dalam jenis yang sama iaitu sembelihan, namun kedua-duanya adalah ibadah sunat yang membawa maksud tersendiri dan berbeza antara satu sama lain.</p>

RUJUKAN

- Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Qurban Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Bilangan 2, 2013
- Al-Bayan Siri 2, Pejabat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
- Risalah Aidil Adha, Pelaksanaan Korban dan Hikmahnya, Edisi 1436/2015, Jabatan Mufti Kedah Darul Aman
- Irsyad Fatwa Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
- Ibadah Qurban, Jabatan Mufti Negeri Perak
- Panduan Asas Melaksanakan Ibadah Korban, Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Negeri Kedah



PENCAPAIAN BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM



Bahagian
Hal Ehwat Islam



Tahniah

Kumpulan Halal Qorban System

Ahli

Tuan Haji Hanafi bin Haji Hamdani, Mohd Azri bin Aripin,
Mohd Afiz Hasan, Mohd Faizan Tajuid,
Mohamad Shaffiaizad Mohammed Sabri,
Puan Yanhar binti Shahar & Mohd Bakri Aminuddin

atas kejayaan mendapat

GOLD AWARD

dalam

Pertandingan Inventopia 2023 FBM Seremban International
Innovation Competition anjuran Fakulti Pengurusan
Perdagangan UiTM Cawangan Seremban.



CERTIFICATE OF AWARD

This is to certify that

MOHD AFIZ HASAN
MOHD AZRI ARIPIN
MOHD FAIZAN TAJUID
MOHAMMAD SHAFFIAIZAD
MOHD BAKRI AMINUDDIN
PUAN YANHAR

have been awarded the

GOLD AWARD

for the project entitled

HQS: HALAL QURBAN SYSTEM WAKALAH

in

**INVENTOPIA 2023: FBM-SEREMBAN INTERNATIONAL
INNOVATION COMPETITION (FBM-SIIC)**

on

13 OCTOBER 2023

PROFESSOR DR. AMIN BIN YASIR

Rector

Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Seremban
MALAYSIA



اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى رَسُوْلِكَ الْكَرِيْمِ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Hal Ehwal Islam

Diterbitkan Oleh:

**BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM
JABATAN PEMERKASAAN ADIWANGSA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM**

Tel: 03-55442350

Faks: 03-55435635

